

"Musuh nombor satu pada 2008 ialah JENAYAH
Oleh itu, saya mahu... kota dan pegawai...
sama-sama meny... membente...

TUA PO
DISE



AHMAD FAIRUZ OTHMAN | BERITA HARIAN

BANTERAS DADAH: Ghazali (tengah) menunjukkan rampasan ganja RM330,000 di Kangar, semalam.

BH 22/7/08
M/S 14

Empat lelaki ditahan edar ganja RM330,000

Dadah 137kg dirampas dalam serbuan di Kuala Sanglang

Oleh Azmi Md Deros
azmimd@berita-harian.com.my

KANGAR: Polis menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah berikutan tangkapan empat lelaki dan merampas 137 kilogram (kg) ganja bernilai kira-kira RM330,000 dalam serbuan di perairan Kuala Sanglang, Simpang Empat dekat sini, awal pagi Sabtu lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk Ghazali Md Amin, berkata dalam serbuan jam 3 pagi oleh Jabatan Siasa-

tan Jenayah Narkotik dan Pasukan Gerakan Am (PGA), dadah itu ditemui disorokkan dalam sebuah bot.

Semua lelaki warga tempatan yang ditahan itu berusia antara 20 hingga 57 tahun. Seorang daripadanya ditahan di bot, manakala tiga lagi di tempat lain beberapa jam kemudian.

Polis turut merampas pelbagai peralatan daripada mereka, termasuk sebuah bot gentian kaca, dua motosikal dan empat telefon bimbit yang se-

muanya dianggarkan bernilai RM20,000.

"Siasatan awal mendapati dadah itu yang diseludup dari negara jiran adalah untuk pasaran di utara Semenanjung.

"Ini rampasan dadah terbesar oleh Polis Perlis tahun ini," katanya pada

FAKTA NOMBOR

3

kes jenayah

Seorang daripada anggota sindiket ada kes polis sebelum ini

sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, seorang daripada lelaki terbabit yang juga nelayan berusia 46 tahun turut mempunyai tiga rekod jenayah membabitkan dadah sebelum ini.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati.

Ghazali berkata, serbuan itu dilakukan selepas polis mendapat maklumat awam.